


SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 10/2012
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

HARI-HARI KELEPASAN AWAM TAHUN 2013

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa hari-hari dan tarikh-tarikh yang berikut adalah diisytiharkan sebagai Hari-Hari Kelepasan Awam bagi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2013 :-

Awal Tahun Masihi	—	Hari Selasa, 18 Safar 1434 bersamaan 1 Januari 2013
Maulud Nabi Muhammad <i>Sallallahu 'Alaihi Wasallam</i>	—	Hari Khamis, 12 Rabiulawal 1434 bersamaan 24 Januari 2013
Tahun Baru Cina	—	Hari Isnin, 30 Rabiulawal 1434 bersamaan 11 Februari 2013 (sebagai ganti Hari Ahad, 29 Rabiulawal 1434 bersamaan 10 Februari 2013)
Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-29	—	Hari Sabtu, 12 Rabiulakhir 1434 bersamaan 23 Februari 2013
Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei	—	Hari Sabtu, 22 Rejab 1434 bersamaan 1 Jun 2013 (sebagai ganti Hari Jumaat, 21 Rejab 1434 bersamaan 31 Mei 2013)
Isra' Dan Mi'raj	—	Hari Khamis, 27 Rejab 1434 bersamaan 6 Jun 2013
* Awal Ramadhan (Puasa)	—	Hari Rabu, 1 Ramadhan 1434 bersamaan 10 Julai 2013
Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67	—	Hari Isnin, 6 Ramadhan 1434 bersamaan 15 Julai 2013

.../2 



-2-

* Memperingati Nuzul Al-Qur'an	—	Hari Sabtu, 18 Ramadhan 1434 bersamaan 27 Julai 2013 (sebagai ganti Hari Jumaat, 17 Ramadhan 1434 bersamaan 26 Julai 2013)
* Hari Raya Aidil Fitri	—	• Hari Khamis, 1 Syawal 1434 bersamaan 8 Ogos 2013; • Hari Sabtu, 3 Syawal 1434 bersamaan 10 Ogos 2013 • Hari Isnin, 5 Syawal 1434 bersamaan 12 Ogos 2013 (sebagai ganti Hari Jumaat, 2 Syawal 1434 bersamaan 9 Ogos 2013)
* Hari Raya Aidil Adha	—	Hari Selasa, 10 Zulhijjah 1434 bersamaan 15 Oktober 2013
Awal Tahun Hijriah 1435	—	Hari Selasa, 1 Muharram 1435 bersamaan 5 November 2013
Hari Krismas	—	Hari Rabu, 22 Safar 1435 bersamaan 25 Disember 2013

*** Tertakluk kepada Perubahan**

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Peningkatan Produktiviti, Menjana Pertumbuhan Ekonomi"

(HAJI MOHD 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HAJI ABDUL SALAM)

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (10) JPM/SK/2012

Tarikh : 9 Zulkaedah 1433

25 September 2012